

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN BIASISWA KEPADA BADAN-BADAN KEBAJIKAN ANAK-ANAK YATIM DAN MEREKA YANG TIDAK BERKEMAMPUAN ANJURAN YAYASAN PENDIDIKAN DAN BIASISWA MALAYSIAN SHEET GLASS BERHAD (MSG)
Lokasi : HOLIDAY VILLA, SUBANG JAYA
Tarikh : 11-08-1990

Yang Berhormat Dato Saidin Tamby; Encik Low Seng Kuan, Pengerusi Malaysian Sheet Glass Berhad (MSG); Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan, Saya mengucapkan terima kasih kepada Malaysian Sheet Glass Berhad (MSG) kerana menjemput saya ke majlis yang berbahagia ini. Saya juga berasa sukacita kerana diberi penghargaan untuk menyampaikan anugerah biasiswa kepada rumah-rumah anak yatim dan juga sumbangan derma kepada badan-badan kebajikan.

2. Kanak-kanak adalah asset yang paling berharga.

Merekalah yang akan mengganti kita apabila dewasa kelak.

Ada yang akan menjadi ibu bapa dan mempunyai keluarga sendiri dan ada yang bakal menjadi pemimpin negara. Daripada itu, penjagaan yang sempurna terhadap kanak-kanak amatlah penting.

3. Kini berlakunya situasi kanak-kanak dianiaya dan masalah ini telah berleluasa dan terdapat banyak lagi kes yang tidak dilaporkan. Siapa lagi yang boleh bercakap bagi pihak kanak-kanak ini? Adalah menjadi tanggungjawab bagi kita semua untuk melaporkan segala kejadian penganiayaan kepada pihak berkuasa kerana dengan melakukan sedemikian, kita akan dapat menyelamatkan kanak-kanak daripada terus diseksa dan dianiaya.

4. Kanak-kanak yang teraniaya memerlukan pertolongan terutamanya di pusat-pusat pemulihan. Ini kerana jika mereka tidak diberikan pertolongan, mereka apabila dewasa akan bersikap pendendam dan pembenci disebabkan oleh pengalaman pahit yang telah mereka harungi semasa kecil dahulu.

5. Kanak-kanak yang tercicir dari sekolah kerana berbagai- bagai sebab juga adalah masalah yang dihadapi oleh masyarakat kita. Ini mengakibatkan mereka bekerja pada jangka waktu yang panjang dianiaya dan bekerja di dalam keadaan yang merbahaya dan tidak diberikan latihan di dalam tugas yang berkenaan. Kehidupan kanak-kanak ini tercemar oleh situasi hidup orang dewasa dan ada juga yang terlibat dengan kegiatan kejahatan.

6. Kanak-kanak juga mempunyai hak mereka sendiri. Kasih sayang dan persefahaman daripada penjaga, sokongan dan perlindungan dalam apa jua bidang, termasuk diberi keselamatan sosial untuk membesar dengan sihat, perlindungan daripada penganiayaan, perlindungan daripada bekerja sebelum cukup umur, perlindungan yang khusus bagi pembesaran secara fizikal, mental dan bermoral, supaya menjadi orang yang ternama dan rakyat yang sempurna. Mereka ini seharusnya menerima pelajaran dan kemahiran untuk menjadi seseorang yang berguna, berpekeri tinggi serta peramah di kalangan masyarakat.

7. Ibu bapa juga memainkan peranan yang penting bagi memastikan masa depan kanak-kanak yang sempurna. Segabungan dengan tema tahun ini "Keluarga Bahagia", saya menyeru agar setiap keluarga memberikan kasih sayang sepenuhnya terhadap kanak-kanak. Kini, terdapat beberapa situasi yang mengancam keharmonian sesebuah keluarga. Kita kerap mendengar kisah- kisah ibu bapa berpisah dan anak-anak yang menjadi mangsa dan hidup menderita. Saya menyeru agar ibu bapa meluangkan masa yang sepenuhnya bersama anak-anak supaya dapat menjalinkan perhubungan kekeluargaan yang bermakna. Apabila berlakunya kesusahan dan kecemasan, anak- anak dalam keluarga yang harmoni berkeupayaan untuk berhubung dan berbincang dengan ibu bapa bagi mendapat petunjuk serta ajaran yang sewajarnya.

8. Ibu bapa tidak seharusnya memaksa anak-anak belajar untuk mendapatkan "A" di dalam setiap mata pelajaran, tetapi mereka sepatutnya memberikan dorongan dan tunjuk-ajar kepada anak-anak agar mereka berjaya.

9. Satu-satunya perkara yang sangat penting dalam perkembangan kanak-kanak ialah pelajaran. Kita sebagai sebahagian daripada masyarakat sejagat dan ahli persatuan harus memastikan kanak-kanak diberikan peluang yang sepenuhnya untuk menerima pelajaran. Mengabaikan pelajaran kanak-kanak bermakna kita telah mengabaikan masa depan seseorang dan mungkin seorang yang bakal menjadi pemimpin dan dapat memberi sumbangan yang bermanfaat kepada masyarakat.

10. Dengan memberi peluang untuk menerima pelajaran, kanak-kanak dapat mengelakkan daripada terjebak melakukan kesalahan seperti ketagihan dadah dan arak serta perkara-perkara yang boleh merosakkan akhlak. Kanak-kanak yang dapat menerima pelajaran sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kemiskinan dan meninggikan taraf ekonomi keluarga dan masyarakat amnya. Nasib dan situasi seseorang kanak-kanak, keluarga dan negara mempunyai kaitan yang rapat dalam pembangunan dan kemakmuran negara.

11. Telah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan nasib anak-anak kita dan seharusnya kita jauhi mereka daripada teraniaya. Kita sebagai individu ataupun berkumpulan perlu mengutarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan beberapa jenis penganiayaan yang akan mengancam nasib kanak-kanak.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Saya merasa bangga di atas sokongan yang diberikan oleh beberapa organisasi yang mengambil berat tentang keperluan kanak-kanak. Mengambil perhatian juga bermakna kita mempertingkatkan nilai perkhidmatan untuk memenuhi keperluan anak-anak kita. Sumbangan yang diberikan oleh setiap organisasi hendaklah dilaksanakan secara profesional dan bukanlah hanya dilakukan apabila adanya atau berlakunya penganiayaan terhadap kanak-kanak.

13. Walaupun terdapat banyak pusat perlindungan untuk kanak-kanak namun kita juga seharusnya aktif di dalam penglibatan terhadap beberapa isu-isu bagi mengatasi masalah kanak-kanak seperti bidalan "Mencegah lebih baik daripada mengubati". Perhatian yang khusus juga harus diberikan kepada projek-projek kemasyarakatan seperti pusat-pusat latihan bagi mereka yang gagal di dalam persekolahan, menganjurkan kelas tambahan dan bantuan untuk keluarga miskin. Perkhidmatan seperti ini haruslah diadakan terutama sekali bagi mereka yang miskin. Projek pembasmian penganiayaan terhadap kanak-kanak perlu dilanjutkan lagi dan masyarakat haruslah lebih peka terhadap masalah ini.

14. Adalah menjadi harapan kita untuk memastikan generasi muda kini akan menjadi ahli yang berkemahiran di dalam pertubuhan dan berkeupayaan memberi sumbangan di dalam pembangunan negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

16. Skim anugerah pelajaran yang diberikan oleh Yayasan Pendidikan dan Biasiswa MSG sangat dihargai. Dengan memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menjadi seorang yang terpelajar mesti menyumbang kepada usaha Kerajaan untuk meninggikan produktiviti melalui penglibatan dan bantuan untuk membentuk individu-individu yang berkemahiran dalam semua golongan masyarakat.

17. Saya berharap lebih ramai lagi akan bermurah hati dan tampil ke hadapan bagi menjayakan lagi usaha yang murni yang telah dimulakan oleh Malaysian Sheet Glass Berhad (MSG) ini.

Terima kasih.